

18/08/2004

PM mahu syarikat automotif tempatan jadi pengeluar

By Johari Ibrahim

GURUN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu syarikat automotif tempatan mengambil langkah untuk menjadi pengeluar kenderaan berkualiti dan berdaya saing bagi menghadapi saingan pasaran industri itu.

Perdana Menteri berkata, pengusaha automotif tempatan mesti mempunyai perancangan yang lebih ketara untuk mempertingkatkan kemampuan bersaing dari segi kualiti dan harga di pasaran tempatan serta antarabangsa.

"Dengan terbukanya pasaran automotif serantau pada masa depan, persaingan dalam sektor ini menjadi semakin hebat. Sehubungan itu, pengeluar dan pemasang kenderaan tempatan hendaklah mengambil langkah mempertingkatkan kualiti dan daya saing itu mulai hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis perasmian Kilang Naza Automotive Manufacturing, di sini semalam. Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Kilang Naza berharga RM300 juta itu dijangka berupaya mengeluarkan 50,000 kenderaan setahun dan memulakan operasinya awal bulan ini.

Didirikan di tapak seluas kira-kira 60 hektar dan mempunyai 600 pekerja, kilang itu akan mengeluarkan model kenderaan pelbagai guna (MPV) Naza Ria dan model barunya dijangka dilancarkan pada Disember ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Duta Korea ke Malaysia, Lee Young-June; Naib Presiden Eksekutif KIA Motors Corporation, Korea, J M Park dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri S M Nasimuddin S M Amin.

Abdullah berkata, selain memberi penekanan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), industri automotif juga perlu diperkukuhkan dengan kerjasama erat antara pekilang tempatan, rakan kongsi asing, vendor, pembekal dan agensi kerajaan yang berkaitan.

Sehubungan itu, katanya, mereka yang berminat untuk menceburi bidang pembekalan komponen mestilah berusaha meningkatkan kualiti supaya automobil buatan tempatan menjadi kebanggaan pembeli.

"Pembekal seharusnya menggunakan kaedah yang terkini supaya produk mereka mampu berdaya saing di pasaran dari segi kos. Dalam hubungan ini, pelaburan dalam R&D amat penting.

"Tanpa R&D yang mencukupi, pembekal tidak dapat meningkatkan kecekapan masing-masing, mereka akan ketinggalan arus dan ini akan membawa kesan buruk kepada industri automotif tempatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terus mengalu-alukan projek usahasama seperti yang dilakukan oleh Syarikat Kumpulan Naza itu kerana ia dapat mencetuskan pelbagai kegiatan ekonomi, seperti perumahan, penginapan, pendidikan dan kesihatan.

Katanya, industri automotif telah lama bertapak di negara ini dengan tertubuhnya kilang pemasangan dan pembuatan oleh syarikat perkongsian tempatan.

"Dulu, teknologi dalam bidang itu dari Jepun, tetapi dengan berkembangnya potensi pasaran, produk automotif syarikat dari negara lain telah mengambil kesempatan menjadikan negara ini destinasi eksport dan pangkalan pengeluaran yang penting.

"Kini Kumpulan Naza memilih teknologi Korea dengan mengambil KIA Motor Corporation sebagai rakan niaga. Walaupun baru dalam industri automotif antarabangsa, syarikat automotif dari Korea dapat membuktikan kemampuan mereka bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.

(END)

